

PM terima
UM 30 AUG 1987
anugerah
pingat
emas MIC

SUBANG JAYA 29
Ogos — Datuk Sri P. Ma-
hathir Mohamad hari ini
dianugerahkan pingat emas
MIC sebagai menghargai
sumbangan beliau yang ti-
dak berbelah bagi dalam
menyokong usaha ma-
syarakat India di negara ini
memperbaiki hidup mere-
ka.

Perdana Menteri me-
rupakan orang pertama bu-
kan India untuk menerima
pingat itu yang dianugerah-
kan kepada individu - indi-
vidu keturunan India yang
telah memberi sumbangan
cemerlang kepada kemaju-
an orang - orang India di
negara ini.

Pingat emas itu telah dia-
nugerahkan kepada Datuk
Sri Dr. Mahathir oleh Pre-
siden MIC, Datuk S. Samy
Vellu di perhimpunan
agung MIC ke-35 di sini.